

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : KADAR BIL UTILITI BAGI PONDOK PENGAWAL

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah kadar bil TNB dan Air Selangor bagi pondok pengawal di kawasan perumahan dikenakan kadar komersial?
- b) Memandangkan pondok pengawal adalah untuk kegunaan keselamatan taman perumahan, bolehkah kadar tersebut ditukar kepada kadar kediaman?

JAWAPAN:

- a) Pondok pengawal walaupun berada di dalam kawasan perumahan tetapi tidak digunakan sebagai rumah kediaman persendirian.

Enakmen Pembekalan Air 1997 melalui Kaedah-Kaedah bekalan Air (Bayaran) (Selangor) (Pindaan) 2006, Jadual Pertama [Kaedah 4] perkara (i) menyatakan bahawa Kod tariff kediaman adalah:

'mana-mana bangunan atau struktur atau kuarters kerajaan yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian, dengan atau tanpa kolam renang persendirian, di mana air dibekalkan melalui meter individu'.

Sehubungan dengan itu, pondok pengawal dikenakan kadar komersil.

- b) Memandangkan premis tersebut bukan premis kediaman maka kadar komersil digunapakai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan boleh membantu pemasangan wifi di Sekolah Vokasional Sg Buloh?
- b) Bilakah kerajaan akan meluaskan pemasangan wifi di sekitar kawasan rumah apartment di Aman Dua?

JAWAPAN:

- a) Pihak Kerajaan tiada halangan untuk memasang kemudahan WiFi Smart Selangor di Sekolah Vokasional Sungai Buloh. Walaubagaimanapun, pihak sekolah perlu memberi persetujuan bertulis kepada penyelaras projek WiFi Smart Selangor untuk memohon pemasangan WiFi Smart Selangor di sekolah tersebut tertakluk kepada kemudahan infrastruktur WiFi di kawasan tersebut.
- b) Kerajaan komited untuk memperluaskan liputan Wifi Smart Selangor secara berperingkat dengan keutamaan diberikan kepada tempat-tempat tumpuan orang ramai terutamanya yang terletak di kawasan berpendapatan rendah dan kawasan-kawasan luar bandar, termasuk institusi pengajian tinggi, balai raya, dewan orang ramai, tempat-tempat makan atau medan selera, tempat beribadah dan sebagainya. Bagi kawasan perumahan di sekitar kawasan Apartment Aman Dua, pemasangan Wifi Smart Selangor akan dipertimbangkan sekiranya terdapat lokasi-lokasi yang sesuai mengikut kriteria di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi KNS berkaitan isu pewartaan tanah masjid, surau dan sekolah Agama yang perlu di wartakan? Sila Nyatakan.
- b) Apakah proses serta tempoh pewartaan ini diambil?
- c) Sila nyatakan status terkini pewartaan keseluruhan tapak-tapak masjid dan surau di Dun Batu Tiga.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor yang bersidang pada 11 Oktober 1973 telah menetapkan dasar bahawa tapak keagamaan dan kemasyarakatan Islam seperti Masjid, Surau dan Madrasah dilupuskan secara perizaban di bawah seksyen 62 KTN dan diletakkan di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Selaras dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M) Sultan Selangor dan berdasarkan cabutan daripada Keputusan MMKN yang diadakan pada 2 Januari 2008 (MMK ke 1/2008), cadangan pelaksanaan wakaf Irsod melalui pelupusan tanah secara pemberimilikan di bawah seksyen 76 KTN oleh Pihak Berkuasa Negeri Selangor kepada MAIS telah diluluskan. Berdasarkan surat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 27 Ogos 2012 yang menyatakan titah D.Y.M.M Sultan Selangor agar tindakan serta merta diambil bagi memastikan dokumen hakmilik tanah dikeluarkan kepada MAIS bagi tapak keagamaan Islam yang ditentukan dalam pembangunan tanah berimilik setelah pelan susunatur diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- b) Tempoh untuk memproses pewartaan tanah rizab mengambil masa lebih kurang enam (6) bulan. Tempoh ini telah mengambil kira proses penyediaan Kertas Pertimbangan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, penyediaan Pelan Akui oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), penyediaan dokumen

perisytiharan warta oleh Pegawai Undang-Undang dan proses untuk perisytiharan dalam Warta Kerajaan Negeri yang akan diuruskan oleh Percetakan Nasional Berhad (PNB).

- c) Status terkini tapak-tapak Masjid dan Surau di dalam Dun Batu Tiga adalah seperti berikut:

Jenis Tapak	Warta	Wakaf Irsod	Dalam Proses	*Lain-Lain
Masjid	1	3	2	0
Surau	3	0	27	9

*Dalam kawasan JMB, Institusi Hakmilik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini penerima Kad Skim Peduli Sihat mengikut DUN.
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan sehingga kini mengikut DUN.

JAWAPAN:

Tuan Speaker,

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no 77 daripada YB Kuala Kubu Baru dan soalan no 185 daripada YB Hulu Bernam bagi soalan berkaitan Skim Peduli Sihat.

Program Skim Peduli Sihat yang telah dilancarkan pada tahun 2017 diteruskan pada tahun 2018 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Pada masa ini, program sebegini hanya terdapat di negeri Selangor dan menjadikan ianya terunggul di Malaysia. Sehingga 18 Mac 2018, sebanyak 320,647 Kad Peduli Sihat telah berdaftar dengan anggaran seramai 1,282,588 orang penerima manfaat.

Sebanyak 983 klinik panel yang telah berdaftar bagi menjayakan Skim Peduli Sihat manakala 36 buah lagi masih menunggu kelulusan. Bilangan ini mendekati sasaran Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 1,000 klinik panel.

Sejak pelaksanaan Skim Peduli Sihat pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM17,432,265.99 bagi menampung kos rawatan di klinik panel. Sebanyak 387,742 kali rawatan telah diterima oleh pemegang kad Peduli Sihat. Terdapat sebanyak 241,744 kad masih belum pernah digunakan pada tahun 2018.

Jadual di bawah menunjukkan bilangan penerima manfaat, bilangan klinik panel dan jumlah perbelanjaan bagi pelaksanaan Skim Peduli Sihat mengikut pecahan DUN:

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N01 SUNGAI AIR TAWAR	3,198	(tiada klinik swasta)	353,924.10
N02 SABAK	2,786	3	217,417.20
N03 SUNGAI PANJANG	4,498	6	583,872.35
N04 SEKINCHAN	2,398	2	221,416.50
N05 HULU BERNAM	3,086	2	142,855.90
N06 KUALA KUBU BAHARU	2,083	6	160,786.90
N07 BATANG KALI	6,493	14	620,118.60
N08 SUNGAI BURONG	2,924	2	321,351.35
N09 PERMATANG	4,198	5	478,745.30
N10 BUKIT MELAWATI	3,838	3	567,586.00
N11 IJOK	1,966	5	233,526.80
N12 JERAM	4,265	10	479,579.65
N13 KUANG	4,147	7	368,236.40
N14 RAWANG	3,856	28	345,026.50
N15 TAMAN TEMPLER	3,417	12	302,967.95
N16 BATU CAVES	3,760	17	197,903.50
N17 GOMBAK SETIA	2,197	7	153,491.14

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N18 HULU KELANG	2,675	2	180,863.70
N19 BUKIT ANTARABANGSA	2,775	3	146,446.88
N20 LEMBAH JAYA	3,040	29	224,391.39
N21 CHEMPAKA	1,229	6	117,487.01
N22 TERATAI	1,917	2	87,760.25
N23 DUSUN TUA	2,205	9	146,660.70
N24 SEMENYIH	3,720	19	284,639.30
N25 KAJANG	2,826	38	225,159.00
N26 BANGI	3,068	26	302,350.02
N27 BALAKONG	1,336	10	115,215.25
N28 SERI KEMBANGAN	3,793	27	548,749.45
N29 SERI SERDANG	2,906	23	178,847.45
N30 KINRARA	2,575	34	192,022.55
N31 SUBANG JAYA	1,369	30	83,415.65
N32 SERI SETIA	3,213	18	373,377.85
N33 TAMAN MEDAN	3,382	18	379,400.35

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N34 BUKIT GASING	853	8	38,985.60
N35 KAMPUNG TUNKU	648	7	41,559.05
N36 DAMANSARA UTAMA	878	13	32,262.45
N37 BUKIT LANJAN	2,769	7	184,513.55
N38 PAYA JARAS	4,160	21	361,556.10
N39 KOTA DAMANSARA	2,829	28	177,865.76
N40 KOTA ANGGERIK	2,987	52	301,712.34
N41 BATU TIGA	3,274	29	323,668.72
N42 MERU	6,187	20	687,654.80
N43 SEMENTA	3,279	12	358,917.05
N44 SUNGAI PINANG	1,196	4	74,039.90
N45 SELAT KLANG	4,095	5	318,953.10
N46 PELABUHAN KLANG	2,439	26	297,106.45
N47 PANDAMARAN	3,127	6	343,790.50
N48 KOTA ALAM SHAH	1,664	7	63,978.98
N49 SERI ANDALAS	4,001	40	444,564.56
N50 SRI MUDA	2,269	31	205,359.50

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N51 SIJANGKANG	3,044	8	307,218.15
N52 TELOK DATOK	4,751	11	553,065.60
N53 MORIB	5,758	10	479,635.64
N54 TANJUNG SEPAT	4,858	4	639,805.19
N55 DENGKIL	4,639	17	657,403.15
N56 SUNGAI PELEK	4,107	7	689,389.40
KATEGORI KHAS / LUAR KAWASAN SELANGOR	145,696	187	513,667.51
JUMLAH KESELURUHAN	320,647	983	17,432,265.99

Menjawab kepada pertanyaan YB Kota Anggerik berkaitan pecahan penerima SPS mengikut kaum, berikut adalah pecahan mengikut kaum sehingga 18 Mac 2018:

BANGSA	JUMLAH	PERATUSAN
MELAYU	162,249	50.60%
CINA	96,121	29.98%
INDIA	59,718	18.62%
ORANG ASLI	589	0.18%
LAIN-LAIN	1,970	0.61%
JUMLAH	320,647	100.00%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : LOJI PEMBANCUEHAN KONKRIT DI TAPAK PEMBINAAN

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah loji pembancuehan konkrit di tapak pembinaan didalam setiap PBT mengikut yang berkelulusan dan yang tidak berkelulusan.
- b) Senaraikan loji yang dikenakan penalti dan jumlah penalti yang di kenakan kerana tidak mengemukakan pelan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah loji pembancuehan konkrit di tapak pembinaan yang mempunyai kelulusan adalah sebanyak **69 buah** manakala yang tiada kelulusan adalah sebanyak **52 buah**. Perincian mengikut PBT adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1 : Jumlah loji pembancuehan konkrit di tapak pembinaan mengikut PBT

PBT	Jumlah Loji Pembancuehan Konkrit Di Tapak Pembinaan	
	Ada Kelulusan	Tiada Kelulusan
MBSA	18	22
MBPJ	5	0
MPK	3	9
MPAJ	2	0
MPSJ	6	4
MPS	0	1
MPKJ	23	0
MPSP	1	8
MDKL	5	7
MDHS	0	0
MDKS	6	1
MDSB	0	0
JUMLAH	69	52

Nota : Sumber data daripada PBT

- b) Berikut adalah senarai loji yang dikenakan penalti dan jumlah penalti yang dikenakan mengikut PBT masing-masing kerana tidak mengemukakan pelan :

Jadual 2 : Senarai loji yang dikenakan penalti dan jumlah penalti yang dikenakan mengikut PBT

PBT	Senarai Loji Yang Dikenakan Penalti	Jumlah Penalti (RM)
MBSA	Tiada	Tiada
MBPJ	Tiada	Tiada
MPK	Tiada	Tiada
MPAJ	Tiada	Tiada
MPSJ	Macro Dimension Concrete Perindustrian Subang USJ1	Notis D – Patuh Notis Tutup
	One City Properties	Notis D – Patuh Notis Tutup
	Tasek Concrete Sdn. Bhd. Bandar Sunway	Notis D – Patuh Notis Tutup
	Extrobright Concrete Sdn. Bhd.	Notis D – Sita dan Tutup
	Tasek Concrete Sdn. Bhd. Perindustrian Subang USJ1	Notis D – Sita dan Tutup
	Cemex Concrete Sdn. Bhd.	Notis D – Sita dan Tutup
	Buildcon Concrete Sdn. Bhd.	Notis D – Sita dan Tutup
	Macro Dimension Sdn. Bhd. Putra Heights	Notis D – Roboh dan Tutup
	Chin Hin Concrete Sdn. Bhd.	Notis D – Patuh Notis Tutup
	Pro Park Sdn. Bhd.	Notis D – Patuh Notis Tutup
	Pakatan Perak Bina Sdn. Bhd.	Notis D – Patuh Notis Tutup
	PA Concrete Sdn. Bhd.	Notis D – Patuh Notis Tutup

MPS	Tiada	Tiada
MPKJ	Kajang (4 Penalti)	RM67,935.00
	Cheras (5 Penalti)	RM75,428.00
	Semenyih (9 Penalti)	RM189,043.20
	Hulu Langat (5 Penalti)	RM89,505.00
MPSP	8 Loji Pembancuhan Konkrit	RM40,000.00
PBT	Senarai Loji Yang Dikenakan Penalti	Jumlah Penalti (RM)
MDKL	Dua Medan Lot 3383, Jalan Sempadan, Kanchong	RM10,000 (Telah Dijelaskan)
	Blacktop Industries Sdn Bhd	RM12,500 (Telah Dijelaskan)
	Evermix Concrete Sdn Bhd Lot 29803, Kampung Sri Cheding	RM8,000 (Telah Dijelaskan)
	Evermix Sdn Bhd Lot 8145, Tanjung Dua Belas	RM20,000 (Belum Dijelaskan)
	United Patch (M) Sdn Bhd Lot 8072 Tanjung Dua Belas	RM20,000 (Belum Dijelaskan)
	Uruswajar Concrete Sdn Bhd	RM10,000 (Telah Dijelaskan)
	Vimax Concrete	RM20,000 (Belum Dijelaskan)
	Titanum Jalan Sukepi, Jenjarom	RM20,000 (Belum Dijelaskan)
MDHS	Tiada	Tiada
MDKS	1 Loji Tetuan Chin Hin Concrete	RM51,937.00
MDSB	Tiada	Tiada

Nota: Sumber data daripada PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : BILAKAH SEKOLAH RENDAH AGAMA PUCHONG PERDANA AKAN DIBINA

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Sekolah Rendah Agama Puchong Perdana akan dibina memandangkan KAFA Al-Ikhwon tidak sesuai dijadikan Sekolah dengan keadaan yang terlalu bising dibawah stesen dan laluan LRT Puchong Perdana?

JAWAPAN:

- a) SRA Puchong Perdana ini telah tersenarai di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas Negeri Selangor (RMK-11) dengan peruntukan semasa RM50.00. Walaubagaimanapun, pihak JAIS masih tidak dapat melaksanakan pembinaan SRA ini, hal ini disebabkan siling peruntukan sedia ada masih tidak dapat menampung kos pembinaannya yang dianggarkan RM14.0 Juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : AMALAN KETELUSAN DALAM PENTADBIRAN

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kayu ukur yang digunakan oleh Kerajaan bagi memastikan amalan ketelusan dalam pentadbiran?
- b) Sejauh mana ketelusan ini dipraktikkan dalam pentadbiran Kerajaan?

JAWAPAN:

- (a) Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 7 No. 1 Tahun 2007, Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) dilaksanakan bagi tujuan mengenalpasti keberkesanan pelaksanaan program-program pembaharuan perkhidmatan awam yang terkandung di dalamnya nilai-nilai murni dan seterusnya membangunkan strategi meningkatkan pengamalan nilai-nilai tersebut.

SPAN ini bertujuan untuk :

- i. Mengumpul maklumat latar belakang jabatan, program nilai yang telah dijalankan dan juga laporan tahunan jabatan daripada pelbagai sumber;
- ii. Menilai ideologi, persepsi dan tahap pengamalan nilai peribadi diri pegawai di agensi;
- iii. Menilai pengalaman dan persepsi pelanggan ketika berurusan dengan agensi; dan
- iv. Membangunkan strategi meningkatkan pengamalan nilai di agensi berdasarkan hasil keputusan SPAN.

Dalam pelaksanaan SPAN, terdapat lima (5) instrumen yang digunakan iaitu:

- i. Rekod Amalan Nilai;
- ii. Indeks Nilai Ideal;
- iii. Indeks Nilai Peribadi;

- iv. Indeks Nilai Organisasi; dan
- v. Rekod Maklumbalas Pelanggan.

Secara keseluruhannya, Indeks Nilai Komposit menunjukkan 82.38% dengan tahap pengamalan nilai 'Boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan'.

- (b) Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) dilaksanakan di setiap Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada setiap tahun. Keputusan SPAN ini dijadikan asas tindakan ke arah usaha mengukur penghayatan dan amalan nilai-nilai murni di Jabatan/Agensi. Pengetahuan yang tepat mengenai tahap penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dapat membantu pihak pengurusan mengenal pasti, merangka dan seterusnya melaksanakan program nilai-nilai murni yang bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak dan persekitaran Jabatan/Agensi. Peningkatan dan amalan nilai-nilai murni yang tinggi menyumbang kepada peningkatan imej agensi dan secara langsung merangsang kepada keupayaan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : VAN MOBILE SELANGOR BEST

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan tahunan kepada program Van Mobile Selangor BEST yang dilancarkan pada 9 November 2016?
- b) Bagaimanakah operasi dan SOP Van Mobile tersebut?
- c) Mohon menyatakan kawasan-kawasan komuniti yang Van Mobile membuat perkhidmatan hingga kini.

JAWAPAN:

JAWAPAN SOALAN A

1. #Smartselangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T (Bring Excellcelent Into Society) merupakan sinergi pintar diantara agensi kerajaan iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) melalui peruntukan Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan kehidupan Bandar dengan jumlah tajaan RM 1,000,000.00.
2. PPAS telah menerima sejumlah RM 128,000.00 setahun daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk penyelenggaraan empat (4) unit #SmartSelangor Mobile Library Selangor B.E.S.T. PPAS tidak mempunyai sebarang peruntukan khas bagi pembayaran Emolumen lapan (8) orang kakitangan, tetapi PPAS telah menggunakan peruntukan sediaada daripada kutipan hasil PPAS.
 - 2.1 Butiran perbelanjaan mengurus/operasi tahunan mengikut kategori atau kod perbelanjaan adalah sebagaimana berikut:

BIL	BUTIRAN PERBELANJAAN	SETAHUN (RM)
1.	EMOLUMEN (Gaji, Elaun & Bonus)	RM 279,196.00
2.	PERBELANJAAN MENGURUS (4 Unit SML Selangor B.E.S.T) (Penyelenggaraan, petrol, tol & pencucian)	RM 128,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN		RM 407,196.00

3. Hakikatnya, perkhidmatan ini mendapat permintaan yang tinggi daripada komuniti kawasan perumahan yang menghadapi kesukaran untuk datang ke perpustakaan, khususnya surirumah ataupun golongan yang tidak mempunyai kenderaan.
4. Perkhidmatan #Smartselangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T dilengkapi dengan kemudahan WIFI percuma, Komputer riba (*laptop*) dan multimedia, televisyen, koleksi bahan bacaan dan rujukan terkini, pinjaman dan pemulangan percuma. Kemudahan lain termasuk penyaman udara, *bean bag*, meja dan kerusi serta *motorized awning* untuk keselesaan pengunjung.
5. Dengan adanya #Smartselangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T yang baru, moden, terkini, efektif ,interaktif dan bercirikan mesra pengguna, ianya mampu memenuhi keperluan masyarakat di negeri Selangor sekaligus menyebarkan maklumat terkini kepada penduduk setempat. #Smartselangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T ini juga ditambah nilai dari segi perkhidmatan yang disediakan supaya dapat memberi manfaat kepada masyarakat.
6. Secara dasarnya, objektif perkhidmatan #Smartselangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T ini adalah bagi memberikan tumpuan kepada masyarakat sebagaimana berikut:
 - 6.1 Meningkatkan sambutan masyarakat kepada pembudayaan membaca dengan kaedah “perpustakaan menemui masyarakat”.

- 6.2 Memberikan keutamaan kepada kawasan luar bandar, pelajar sekolah rendah dan menengah, suri rumah, warga emas, pesara, petani dan usahawan.
- 6.3 Membantu masyarakat bagi mempertingkatkan kualiti hidup melalui koleksi pembacaan yang terkini, perkhidmatan multimedia dan internet secara percuma.
- 6.4 Menjadi tempat alternatif terutamanya kepada golongan remaja dari terlibat dengan gejala sosial. Ini membantu kerajaan Negeri menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.
- 6.5 Menambah nilai kepada pusat sumber sekolah yang masih belum lengkap dan perluasan perkhidmatan ke kawasan perumahan, jabatan kerajaan, pusat-pusat perniagaan dan taman rekreasi.
7. Statistik #Smartselangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T bagi tahun 2017 adalah sebagaimana berikut:

	#SmartSelangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T	Mac- Disember 2017		
BIL	Mula Beroperasi Pada Mac 2017	Keahlian Baru	Pinjaman	Pengunjung
7.1	Smart Mobile Library 1 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MPBJ)	907	8,271	5,269
7.2	Smart Mobile Library 2 Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	679	7,082	3,702

7.3	Smart Mobile Library 3 Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	547	7,088	5,019
7.4	Smart Mobile Library 4 Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	472	2,738	1,259

JAWAPAN SOALAN B

1. Setiap Van #SmartSelangor Mobile Library ini akan berada di 2 lokasi pada setiap hari dan beroperasi selama 2 jam untuk satu sesi serta diuruskan oleh 2 orang petugas (Seorang Pembantu Perpustakaan dan Seorang Pemandu).

2. Waktu Perkhidmatan:

Hari	Selasa, Khamis, Sabtu & Ahad
Sesi 1	10.00 pagi – 12.00 tengahari
Sesi 2	2.00 petang – 4.00 petang

3. Petugas Van #SmartSelangor Mobile Library bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berikut :
 - 3.1 Pendaftaran keahlian (percuma)
 - 3.2 Perkhidmatan pinjaman dan pemulangan buku (10 buah buku selama 3 minggu.)
 - 3.3 Melaksanakan aktiviti kempen membaca
 - 3.4 Membantu promosi pelbagai program perpustakaan
 - 3.5 Melaksanakan jalinan kerjasama dengan komuniti setempat, agensi serta institusi

4. Penambahan koleksi bagi Van #SmartSelangor Mobile Library di buat dari masa ke semasa.

JAWAPAN SOALAN C

1. Sebanyak Empat (4) unit van #Smartselangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T (Bring Excellcelent Into Society) menjelajah ke pangsapuri kos rendah seluruh Selangor. Van berkenaan akan turun ke pangsapuri yang mempunyai Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau ejen pengurusan yang dilantik Pesuruhjaya Bangunan (COB). Cetusan idea ini selaras gagasan Selangor menuju “*Smart State*” untuk sentiasa lebih responsif kepada tuntutan moden bagi kemudahan rakyat khususnya komuniti pangsapuri kos rendah. Ia dapat mewujudkan komuniti pangsapuri berilmu dan bertanggungjawab ke arah pembudayaan bersih, ceria dan harmoni, seterusnya membentuk model pangsapuri bestari. Van mobile Selangor BEST merupakan sinergi berkonsepkan strategi laut biru diantara agensi kerajaan.
2. Lokasi perkhidmatan #SmartSelangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T. telah dipilih berdasarkan kepada tempat tumpuan umum. Secara keseluruhannya, Van Mobile Smart Selangor memberi perkhidmatan perpustakaan kepada 56 lokasi diseluruh Selangor.
 - 2.1 Pemilihan lokasi bagi 4 unit #Smartselangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T adalah ditentukan oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sendiri berdasarkan pra tinjauan yang dibuat oleh pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) di pangsapuri-pangsapuri kos rendah meliputi kawasan Ampang, Selayang dan Petaling Jaya dan Kajang.
3. Lokasi perkhidmatan van Smart Mobile Library ini, majoritinya adalah berdasarkan kepada tempat tumpuan umum. Buat masa ini Van Mobile Smart Selangor telah memberi perkhidmatan perpustakaan kepada 58 lokasi dikawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berikut:-

1. #SmartSelangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T (1) : Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)/Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

BIL	LOKASI PERKHIDMATAN
1.	Desa Mentari Blok 9-10
2.	Desa Perangsang A & B
3.	Desa Mentari Blok 1-2
4.	Sri Tanjung USJ 16/7
5.	Apartment Harmoni,Damasara Damai
6.	Pangsapuri Damasara Pelangi A,B dan C
7.	Desa Mentari Blok 3 dan 7- 8
8.	Flat Taman Medan 32, Taman Medan Baru
9.	Tembikai dan Pulasan Court Sri Kembangan
10.	Sri Cemara Bandar Sri Damansara
11.	Anggerik, Taman Suria, Sri Kembangan
12.	Garnet Puchong Indah
13.	Punchong Permai, Blok F5-F8
14.	Pangsapuri Bosnia Sri Kembangan

2. #SmartSelangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T (2): Majlis Perbandaran Selayang (MPS) / Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)

BIL	LOKASI PERKHIDMATAN
1.	Pangsapuri Kenanga, Taman Gombak Permai, Batu Cave
2.	Apartment Kos Rendah Bdr Baru Selayang Fasa 2A
3.	Flat Samudera, Batu Caves
4.	Pangsapuri Kos Rendah (Fasa 1) Taman Tun Teja
5.	Tun Teja Fasa 2 (Blok Cempaka dan Blok Delima)
6.	Desa Satu Apartment, Kepong
7.	Blok A,B,C,D,E &G Apartment Julia, Bandar Baru Selayang
8.	Blok F, Apartment Julia Bandar Baru Selayang
9.	Blok 1, Pangsapuri Mas Ayu, Bandar Baru Selayang
10.	Blok 2, Pangsapuri Mas Ayu, Bandar Baru
11.	Apartment Anggerik
12.	Apartment Seri Kembangan
13.	Pangsapuri Seri Anggerik 3
14.	Pangsapuri Seri Bakawali
15.	Pangsapuri Batai

3. #Smartselangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T (3): Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)

BIL	LOKASI PERKHIDMATAN
1.	Permai Court 1
2.	Pangsapuri Nusa Kurnia, Taman Bukit Pandan
3.	Flat 700, Pandan Perdana.
4.	Pangsapuri Tulip, Pandan Indah
5.	Pangsapuri Inai, Pandan Indah A, B, C & D
6.	Pangsapuri Inai, Pandan Indah G & H
7.	Merpati B Apartment, Jalan Pandan Indah 6/8, Ampang.
8.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang.
9.	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang.
10.	Blok A5 & A6 Taman Bukit Segar
11.	RPKR Taman Cahaya
12.	Kelompok Camar Blok A, Taman Permai Jaya
13.	Kelompok Camar Blok B, Taman Permai Jaya
14.	Pangsapuri Ukay Indah

4. #SmartSelangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T (4): Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)/Majlis Perbandaran Sepang (MPSP)

BIL	LOKASI PERKHIDMATAN
1.	Apartment Murah Kajang
2.	Pangsapuri Pahlawan
3.	Pangsapuri Kenari ABCD Taman Impian
4.	Pangsapuri PRIMA Cempaka
5.	Pangsapuri RPR & RPM Kemacahaya
6.	Pangsapuri Waja
7.	Pangsapuri Perdana Kajang
8.	Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma
9.	Pangsapuri Sua kasih
10.	Pangsapuri Teratai
11.	Pangsapuri Megah Villa
12.	Pangsapuri Cengal Taman Mas Puchong
13.	Ruvena Villa
14.	Pangsapuri Angsana
15.	Pangsapuri Siantan

RINGKASAN JAWAPAN:

1. #SmartSelangor Mobile Library Selangor B.E.S.T. merupakan sinergi pintar diantara agensi kerajaan iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) melalui peruntukan Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar dengan jumlah tajaan RM 1,000,000.00.
2. PPAS telah menerima sejumlah RM 128,000.00 setahun daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk penyelenggaraan empat (4) unit #SmartSelangor Mobile Library Selangor B.E.S.T. PPAS tidak mempunyai sebarang peruntukan khas bagi pembayaran Emolumen lapan (8) orang kakitangan, tetapi PPAS telah menggunakan peruntukan sediaada daripada kutipan hasil PPAS.

2.1 Butiran perbelanjaan mengurus/operasi tahunan mengikut kategori atau kod perbelanjaan adalah sebagaimana berikut:

BIL	BUTIRAN PERBELANJAAN	SETAHUN (RM)
1.	EMOLUMEN (Gaji, Elaun & Bonus)	RM 279,196.00
2.	PERBELANJAAN MENGURUS (4 Unit SML Selangor B.E.S.T) (Penyelenggaraan, petrol, tol & pencucian)	RM 128,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN		RM 407,196.00

3. #SmartSelangor Mobile Library Selangor B.E.S.T. memberi manfaat kepada komuniti di 1,346 skim perumahan pangsapuri kos rendah yang meliputi 22,086 unit kediaman dengan anggaran penduduk seramai 1.1 juta. Empat unit #SmartSelangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T. mula beroperasi pada 1 Mac 2017 di pangsapuri-pangsapuri kos rendah meliputi kawasan Ampang, Selayang dan Petaling Jaya dan Kajang, mengikut jadual yang ditetapkan.

4. Setiap Van #SmartSelangor Mobile Library Selangor B.E.S.T ini akan berada di dua (2) lokasi pada setiap hari dan beroperasi selama 2 jam untuk satu sesi serta diuruskan oleh dua (2) orang petugas. Pemilihan lokasi bagi #Smartselangor Mobile Library-Selangor B.E.S.T adalah ditentukan oleh LPHS dan juga berdasarkan pra tinjauan yang dibuat oleh pihak PPAS.

5. Lokasi perkhidmatan van Smart Mobile Library ini, majoritinya adalah berdasarkan kepada tempat tumpuan umum. Buat masa ini Van Mobile Smart Selangor telah memberi perkhidmatan perpustakaan kepada 58 lokasi dikawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berikut:-

VAN	Pusat Berkuasa Tempatan (PBT)	Jumlah
Smart Mobile Library 1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	14 lokasi
Smart Mobile Library 2	Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MDHS)	15 lokasi
Smart Mobile Library 3	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	14 lokasi
Smart Mobile Library 4	Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) Majlis Perbandaran Sepang (MPSP)	15 lokasi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PELABURAN ASING DI SELANGOR

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Selangor dalam menjalankan projek usahasama dengan pelabur-pelabur asing?
- b) Sila senaraikan 20 pelabur-pelabur asing utama dalam negeri serta jumlah perancangan pelaburan masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Aktiviti pelaburan bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri, tetapi juga membuka peluang bagi projek usahasama dengan Kerajaan Negeri melalui penglibatan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri sentiasa meneroka peluang – peluang bagi menjalankan projek usahasama yang bersesuaian dengan penglibatan pelabur – pelabur asing. Antara usaha – usaha yang dilaksanakan seperti:-

- i. Menjemput anak-anak syarikat bagi menyertai setiap misi lawatan pelaburan ke luar Negara bagi meneroka projek – projek usahasama;
- ii. Mengadakan program '*business matching*' setiap kali lawatan pelabur ke negeri Selangor.
- iii. Sentiasa mengadakan program networking bagi menjalinkan hubungan perniagaan antara anak – anak syarikat kerajaan negeri dengan dewan – dewan perniagaan tempatan dan asing.

Namun begitu, kebanyakan pelabur asing disektor perkilangan yang mendapat bantuan Invest Selangor lebih cenderung untuk beroperasi tanpa konsep usahasama dengan mana-mana pihak.

- b) Senarai 20 pelabur – pelabur asing utama dalam Negeri mengikut Negara serta jumlah perancangan pelaburan masing – masing bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:-

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Japan	13	756	533,596,629
Singapore	18	712	439,958,335
China	5	509	282,179,556
Netherlands	3	50	162,401,080
Germany	3	81	147,173,824
United Kingdom	3	110	81,786,670
Hong Kong	3	77	56,533,300
Norway	1	78	55,105,380
Taiwan	2	105	54,100,000
Thailand	3	134	44,200,461
India	1	86	37,977,854
Italy	1	30	34,598,087
Korea, Rep.	3	133	33,976,819
Egypt	1	39	30,000,000
Switzerland	1	0	20,593,892
Belgium	1	19	18,500,000
Sweden	1	1	13,518,503
Pakistan	1	58	11,610,000
Bangladesh	1	51	10,948,791
Cayman Island	1	39	6,814,000
France	1	21	6,720,000
Spain	1	44	6,700,000
Iran	1	0	6,671,660
Syria	1	30	6,100,000
United States America (USA)	2	0	6,039,535
Australia	3	29	5,540,684
Rep. of Yemen	1	9	2,453,789
Lain – lain Negara	12	853	49,099,687
Jumlah			2,164,898,536

Sumber : MIDA

* Nota : Senarai nama syarikat pelabur tidak dapat dinyatakan tanpa persetujuan dan kebenaran pihak syarikat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : LEBUHRAYA MERENTASI SELANGOR

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terangkan berapa banyak hutan simpan yang terpaksa dikorbankan bagi tujuan tersebut dan berapakah pampasan yang diterima?
- b) Apakah langkah baikpulih yang diambil bagi mengekalkan kehijauan alam sekitar?

JAWAPAN:

- a) Bermula pada tahun 1992 – 2017, terdapat lapan (8) lebuhraya yang merentasi Hutan Simpanan Kekal yang mendapat kelulusan pembinaannya daripada Kerajaan Negeri Selangor. Senarai nama lebuhraya dan maklumat lengkap mengenai status tindakan terkini berkaitan lebuhraya tersebut adalah seperti di Lampiran I.

Jumlah pampasan gantirugi pokok yang diterima oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bagi tiga (3) projek lebuhraya terkini adalah seperti berikut dimana Lebuhraya EKVE iaitu berjumlah RM8,696,608.95, Lebuhraya SUKE iaitu RM8,136,192.00 dan Lebuhraya DASH iaitu RM514,879.26.

Selain itu, bagi pengambilan HSK di dalam projek Lebuhraya SUKE yang membuat pengambilan tanah HSK yang menempatkan Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah dan bangunan lain serta kuarters pegawai dan kakitangan akan dipindahkan ke pejabat sementara di bangunan baharu berserta dengan kemudahan-kemudahan yang lain dan disediakan tempat tinggal di apartmen. Penyewaan adalah di bawah tanggungjawab pemaju. Pejabat pentadbiran dan kuarters yang baharu akan dibina di dalam Hutan Simpan Ampang dengan kos pembinaan keseluruhannya dibiayai oleh pemaju dan jumlah kos pembinaan dianggarkan bernilai RM 7 – 10 juta.

- b) Kesemua projek-projek ini telah mendapat kelulusan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA). Oleh yang demikian, langkah-langkah mitigasi telah pun ditetapkan di dalam EIA tersebut oleh jabatan-jabatan atau agensi-agensi berkenaan serta perlu dipatuhi sepenuhnya terutamanya bagi kawalan alam sekitar dan pengurangan kemusnahan hutan.

LAMPIRAN I**SENARAI NAMA LEBUHRAYA DAN MAKLUMAT LENGKAP MENGENAI STATUS TINDAKAN TERKINI BERKAITAN LEBUHRAYA**

BIL	NAMA LEBUH RAYA	SYARIKAT KONSESI	TAHUN PEMBINAAN	KELUASAN HSK YANG TERLIBAT (HA)	JARAK LEBUH RAYA (KM)	PEWARTAAN KELUAR / MASUK HSK	KAWASAN PENGGANTIAN HSK (HA)	GANTIRUGI POKOK YANG DITEBANG (RM)	STATUS TERKINI
1	Lebuh raya Utara - Selatan	Plus Expressway Berhad	1986	164.25	15.29	Tiada pemertaaan keluar HSK	Tiada penggantian kawasan HSK	Tiada pembayaran gantirugi pokok	Proses penilaian gantirugi atau pampasan tanah dan pokok oleh Pasukan Task Force JPNS bersama Jabatan lain dan seterusnya mengangkat Kertas Ringkasan ke MTES.
2	Lebuh raya Kuala Lumpur – Karak	MTD Construction Sdn Bhd	1992	182.17	13.38	Tiada pemertaaan keluar HSK	Tiada penggantian kawasan HSK	RM94,011.00	Proses penilaian gantirugi atau pampasan tanah dan pokok oleh Pasukan Task Force JPNS bersama Jabatan lain dan seterusnya mengangkat Kertas Ringkasan ke MTES.
3	Lebuh raya ELITE	PLUS Expressway Berhad	1993	63.54	5.2	G.N 2262-2010	Tiada penggantian kawasan HSK	Tiada pembayaran gantirugi pokok	Proses penilaian gantirugi atau pampasan tanah dan pokok oleh Pasukan Task Force JPNS bersama Jabatan lain dan seterusnya mengangkat Kertas Ringkasan ke MTES.
4	Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP)	Lingkar Transkota Sdn. Bhd.	1997	11.753	0.95	Tiada pemertaaan keluar HSK	Tiada penggantian kawasan HSK	Tiada pembayaran gantirugi pokok	Proses penilaian gantirugi atau pampasan tanah dan pokok oleh Pasukan Task Force JPNS bersama Jabatan lain dan seterusnya mengangkat Kertas Ringkasan ke MTES.

5	Lebuhraya Kuala Lumpur – Kuala Selangor (LATAR)	Kuala Lumpur – Kuala Selangor Expressway Bhd	2008	3.134	0.43	G.N 1536-2011	7.6 ha di Daerah Hulu Selangor	RM163,000.00	- SELESAI -
6	Lebuhraya Bertingkat Lembah Klang - Timur (EKVE) / KLORR	Ahmad Zaki Resources Sdn Bhd (AZRB)	2015	106.65	11.56	Dalam proses pemertaaan keluar/masuk HSK	126 ha di Daerah Hulu Langat	RM8,696,608.95	JPNS akan mengeluarkan surat kepada AZRB mengenai status kawasan penggantian HSK.
7	Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE)	Projek Lintasan Kota Holding Sdn. Bhd. (Prolintas)	2016	26.01	2.5	Dalam proses pemertaaan keluar/masuk HSK	52.00 ha bersempadanan HS Sg Lalang	RM8,136,192.00	Prolintas sedang proses membuat pengambilan tanah kerajaan dan seterusnya untuk dijadikan HSK
8	Lebuhraya Bertingkat Damansara – Shah Alam (DASH)	Projek Lintasan Kota Holding Sdn. Bhd. (Prolintas)	2016	2.541	0.5	Dalam proses pemertaaan keluar/masuk HSK	20.00 ha bersempadanan HS Sg Lalang dan 2.541 di Bukit Cherakah	RM514,879.26	Prolintas sedang proses membuat pengambilan tanah kerajaan dan seterusnya untuk dijadikan HSK.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauhmana kejayaan khidmat pembersihan awam dicapai menerusi Smart Waste Management yang dilaksanakan menerusi KDEBWM Sdn Bhd?
- b) Apakah kejayaan yang dicapai menerusi MPK?
- c) Sasaran penggunaan 85 lori Armroll dilengkapi sistem canggih seperti sistem GPS Tracking dan tong RORO di MPAJ?

JAWAPAN:

- a) *Smart Waste Management* merupakan salah satu daripada 12 teras yang terkandung di dalam perkhidmatan *Smart Selangor* dalam membangunkan Negeri Selangor sebagai *Smart State*. Salah satu inisiatif yang diperkenalkan di bawah teras ini adalah aplikasi i-Clean yang mana ia diperkenalkan oleh KDEBWM untuk memudahkan orang awam dalam menyalurkan aduan berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan yang berada di bawah kawalan KDEBWM. Penggunaan aplikasi ini merupakan inisiatif bagi memberikan cara terpantas dalam menyelesaikan isu sampah apabila pengguna boleh menyemak status aduan dalam tempoh masa 24 jam samada ianya telah diselesaikan atau pun sebaliknya. Penggunaan aplikasi ini telah mencatatkan penurunan aduan yang signifikan serta membantu dalam menyelesaikan aduan dalam tempoh yang singkat selaras dengan ikrar KDEBWM untuk menyelesaikan aduan dalam tempoh 24 jam.

Selain penggunaan aplikasi i-Clean, inisiatif lain turut diperkenalkan iaitu penggunaan lori RORO yang dilengkapi dengan sistem GPS *tracker* bagi memantau pergerakan lori secara '*real time*'. Perkara ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kejadian lori-lori yang tidak masuk ke kawasan pembersihan yang telah ditetapkan, culas dalam menjalankan tugas dan sebagainya.

Di bawah komponen *Smart Waste Management* juga, KDEBWM telah mewujudkan sebuah Pusat Aduan Setempat atau dikenali sebagai *Centralized Command Center (CCC)* yang berperanan untuk menguruskan segala aduan yang diterima dengan efektif dan sistematik. CCC ini akan memantau setiap pergerakan lori-lori KDEBWM di kawasan kontrak bagi memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Untuk makluman, aduan yang diterima melalui aplikasi *i-Clean* akan juga diurus dan diselaraskan melalui CCC.

Secara umumnya, inisiatif yang diwujudkan di bawah komponen *Smart Waste Management* seperti *GPS Tracker*, *Centralized Command Center* dan aplikasi *i-Clean* ini telah menjadikan KDEBWM di dalam situasi *total control* dan dapat mengawal selia kerja-kerja kontraktor dan aduan dengan sistematik, efektif dan efisien.

- b) Sepanjang pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di MPK, KDEBWM telah memperkenalkan inisiatif baru bagi mempertingkatkan keseluruhan operasi pengurusan sisa pepejal di PBT berkenaan, iaitu:
1. pemberian lori kompaktor baru yang dilengkapi sistem pemantauan *Auto Vehicle Locating System (AVLS)*, kamera undur dan CCTV kepada sub-kontraktor menggunakan kaedah sewa-beli;
 2. penggunaan sebuah lori kompaktor baru di setiap zon (1 lori 1 zon);
 3. pewujudan *Centralized Command Centre (CCC)* yang berperanan sebagai pusat kawalan operasi KDEBWM dalam menerima aduan serta pemantauan penyelia kawasan dan kontraktor kutipan;
 4. penggunaan telefon pintar yang dilengkapi dengan alat pengesan (*tracker*) bagi memantau pergerakan penyelia kawasan dan lori kompaktor;
 5. penggunaan Aplikasi *i-Clean* sebagai salah satu medium kepada pengguna untuk menyalurkan aduan; dan
 6. penggunaan aset-aset lain selain kompaktor seperti RORO dan *tricycle* sebagai aset sokongan.
- c) *Soalan ditolak.*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : WANITA

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keberkesanan kepada peserta Seminar Keseimbangan Hidup Berkerjaya yang dianjurkan oleh Institut Wanita Berdaya?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan seminar tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan wanita sebagai tunjang kepada pembangunan negara. Oleh itu, Institut Wanita Berdaya (IWB) telah diwujudkan sebagai sebuah badan pemikir bagi menyediakan dasar-dasar yang membantu mengukuhkan peranan wanita dalam peringkat pembuatan keputusan serta memberdayakan wanita di Negeri Selangor.

Seminar Keseimbangan Hidup Bekerjaya "Work-Life Balance" anjuran IWB pada 8 Februari yang telah diadakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Raja Tun Uda, Shah Alam telah dihadiri oleh 100 orang peserta dalam kalangan kakitangan awam Jabatan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Anak Syarikat dan NGO, individu dan akademia. Seminar ini mengupas perkongsian pelaksanaan Dasar Keseimbangan Hidup Bekerjaya oleh syarikat-syarikat swasta yang telah melaksanakannya. Antara syarikat yang dijemput adalah CIMB Group, Price Water Cooper (PWC) Malaysia dan TalentCorp.

Terdapat empat (4) objektif seminar iaitu :-

- i) untuk mengenalpasti hubungan di antara keseimbangan hidup bekerja dan kepuasan bekerja;
- ii) untuk mengetahui sama ada polisi mesra keluarga merupakan faktor utama yang menyumbang kepada keseimbangan hidup bekerja dan prestasi pekerja;

- iii) untuk memberikan cadangan tentang kenapa dan bagaimana syarikat atau organisasi boleh menggunakan polisi keseimbangan hidup bekerjaya; dan
- iv) untuk mendapatkan maklum balas dari pelbagai pihak dan pekerja dalam memastikan dasar yang akan digubal dan dilaksanakan bertepatan dengan keperluan pekerja khususnya pekerja wanita.

Keberkesanan seminar ini diperolehi melalui maklumbalas dan sambutan daripada para peserta yang amat menggalakkan dari setiap sesi yang dijalankan. Ia juga merupakan salah satu alat dalam mengumpul maklumat serta cadangan berkaitan bagi mencapai objektif seperti yang digariskan.

(Sumber : Institut Wanita Berdaya (IWB)).

- b) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan sejumlah RM36,000.00 bagi tujuan pelaksanaan program Seminar Keseimbangan Hidup Bekerjaya tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : ISU PENYELESAIAN PENEROKA BANDAR DI JALAN PAPAN,
PANDAMARAN**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sudahkah senarai 181 penama peneroka bandar Jalan Papan yang telah dimuktamadkan dalam mesyuarat pada 23/6/2016 diendorskan oleh MMKN?
- b) Bilakah tawaran-tawaran kepada 181 penama peneroka bandar Jalan Papan dapat dikeluarkan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor?
- c) Apakah status terkini perkara ini?

JAWAPAN:

- a) Senarai 181 penama peneroka bandar Jalan Papan Pandamaran telah dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 22 Februari 2018 untuk mengesahkan senarai nama dan memuktamadkan peneroka asal yang masih di tapak.
- b) Tawaran kepada peneroka yang layak akan ditawarkan setelah pihak pemaju mendapat kelulusan Pelan Bangunan daripada Majlis Perbandaran Klang keatas cadangan membina 123 unit rumah teres dan Rumah Selangorku di tapak.
- c) Menunggu pihak pemaju mendapat kelulusan Kebenaraan Merancang (semakan akhir) sebelum mengemukakan pelan bangunan setelah hal di patuhi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENGELUARAN GERAN TANAH DI SELANGOR

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Jumlah Geran-geran Tanah yang dikeluarkan dalam tempoh tahun 2008 hingga akhir 2017 mengikut kategori:

- (i) Tapak Rumah Kampung
- (ii) Tapak Projek Perumahan
- (iii) Tapak Perindustrian &
- (iv) Tanah Pertanian

b) Nyatakan keluasannya.

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat Dusun Tua, hasil semakan melalui Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), jumlah hakmilik yang dikeluarkan dalam tempoh 2008 hingga 2017 bagi kategori pertanian adalah sebanyak 34,092 hakmilik, kategori bangunan sebanyak 554,430 hakmilik dan perusahaan/perindustrian sebanyak 24,590 hakmilik.

Berdasarkan kepada rekod SPTB, bagi tapak rumah kampung dan projek perumahan dengan syarat nyata kediaman, ianya adalah berada di dalam satu kategori iaitu Bangunan.

b) Keluasan bagi kategori penggunaan tanah pertanian adalah seluas 189,825.223 hektar. Manakala bangunan adalah seluas 30,872.38236 hektar dan perusahaan seluas 7,441.87 hektar. Luas keseluruhan bagi ketiga-tiga kategori adalah 234,986.3451 hektar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMBINAAN BLOK E PETALING UTAMA

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Isu ini sudah tertangguh 17 tahun. Apakah jalan penyelesaian terbaik bagi isu pembinaan Blok E, Petaling Utama, PJS 1?
- b) Bilakah pembinaan Blok E akan bermula?

JAWAPAN:

- a) Cadangan Penyelesaian telah dibentangkan di Mesyuarat MTES pada 14.12.2017 oleh Pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil 1/2018 pada 03.01.2018 telah memutuskan dan bersetuju supaya satu kajian menyeluruh perlu dilaksanakan oleh MBPJ bersama Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) terhadap permohonan tanah kerajaan oleh Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd untuk pembangunan Rumah Selangorku bagi menentukan keluasan dan nilai tanah yang bersesuaian dan juga mematuhi aspek perundangan supaya kepentingan kerajaan negeri dijaga.
- b) Proses pembinaan Blok E adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri setelah pembentangan di Mesyuarat MTES.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PELAN TINDAKAN TEKNOLOGI HIJAU NEGERI SELANGOR 2016-2018

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian semasa Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016-2018?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor telah di luluskan pada **Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 28/2015 pada 2 September 2015**. Melalui Pelan Tindakan ini, Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan semua PBT Negeri Selangor sebagai perbandaran hijau dan seterusnya mencapai Bandar Rendah Karbon menjelang 2030.

Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016-2018 memberi tumpuan kepada 7 tindakan utama iaitu:

- i. Perbandaran Hijau Melalui Bandar Rendah Karbon Selangor;
- ii. Perolehan Hijau Kerajaan;
- iii. Pemasangan Rangkaian Pengecas Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle*) Di Selangor;
- iv. Penggunaan Bas Elektrik Bagi Program 'Bas Percuma' Di PBT;
- v. Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku;
- vi. Bangunan Cekap Tenaga Di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor; dan
- vii. Program Penghijauan Taman Industri

Berdasarkan tindakan utama yang dinyatakan di dalam Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016-2018, berikut merupakan pencapaian terkini:-

TINDAKAN	SASARAN	PENCAPAIAN
i. Perbandaran Hijau Melalui Bandar Rendah Karbon Selangor	4 buah PBT akan menerima pakai Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (Low Carbon Cities Framework) menjelang tahun 2017	6 buah PBT telah menerima pakai Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon iaitu: MBSA, MBPJ, MPK, MPAJ, MPSJ dan MPSP
ii. Pemasangan Rangkaian Pengecas Kenderaan Elektrik (<i>Electric Vehicle</i>) Di Selangor;	Negeri Selangor menjadi negeri yang mempunyai rangkaian pengecas kenderaan elektrik paling luas di seluruh negara pada 2020.	Sehingga kini, terdapat 109 unit pengecas kenderaan elektrik di 88 lokasi di Negeri Selangor dan merupakan negeri yang mempunyai rangkaian pengecas kenderaan elektrik paling luas di seluruh negara
ii. Penggunaan Bas Elektrik Bagi Program 'Bas Percuma' Di PBT;	Semua PBT di Negeri Selangor menyediakan bas percuma Bas Selangorku menggunakan bas elektrik	3 PBT telah menyediakan Bas Selangorku menggunakan bas elektrik dengan jumlah bas adalah sebanyak 6 buah . MBSA - 2 Buah MBPJ – 2 Buah MPKJ – 2 Buah

iv. Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku;	Pemasangan bumbung solar di Projek Perumahan Selangorku mulai tahun 2016.	Pemasangan bumbung solar di Projek Perumahan Selangorku di Hillcrest Gardens, Puchong Utama sebagai projek perintis.
v. Bangunan Cepak Tenaga Di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor; dan	Sistem Pengurusan Tenaga Lestari di Bangunan Kerajaan bagi menjimatkan penggunaan tenaga elektrik	<p>Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah memasang sebanyak 29 buah unit Bumbung Solar dan 21 unit SPAH di bangunan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2017.</p> <p>Mengadakan Audit Tenaga di 11 Bangunan Kerajaan dan meningkatkan pembangunan kapasiti modal insan di semua jabatan yang terlibat pada tahun 2017.</p> <p>Pelaksanaan <i>Green Data Centre</i> juga sedang giat dilaksanakan oleh PBT Negeri Selangor seperti di MPSJ dan MPS.</p>
vi. Program Penghijauan Taman Industri	Memastikan kecekapan penggunaan tenaga	Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

	<p>dan mengurangkan kadar pelepasan karbon di kawasan industri.</p>	<ul style="list-style-type: none">a. Mensyaratkan kepada pemaju-pemaju kawasan industri untuk mengaplikasikan Sistem Penuaian Air Hujan (SPA), penggunaan aplikasi yang cekap tenaga, produk tenaga diperbaharui dan menggalakkan pelaksanaan <i>Green Building Indeks</i> (GBI) didalam setiap kelulusan kebenaran merancang;b. Melaksanakan Garis Panduan Pemberian Nisbah Plot bagi pembangunan baru dengan melaksanakan kriteria <i>Green Building</i> dan <i>Low Carbon Cities Framework</i> (LCCF);c. Menyediakan kemudahan panel kontraktor swasta bagi pelupusan sisa pepejal kepada kawasan industri sebagai langkah pengurusan sisa yang menyeluruh;d. Mensyaratkan pihak industri menyediakan kawasan hijau dengan penanaman pokok di kawasan kilang dan gudang;e. Melaksanakan Anugerah Rendah Karbon kepada pemaju / syarikat industri yang mengamalkan aktiviti rendah
--	---	--

		<p>karbon di premis;</p> <ul style="list-style-type: none">f. Menubuhkan Jawatankuasa Taman Perindustrian (IPMC) yang bermesyuarat 4 kali setahun;g. Mengadakan kempen tanam pokok di kawasan industri; danh. Mensyaratkan dan menyediakan laluan pejalan kaki dan basikal di dalam kawasan industri.
--	--	---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : ISU KERA LIAR DI SELANGOR

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan agresif diambil oleh jabatan perhilitan untuk mengurangkan isu kera liar yang merosakan tanaman petani dan menjadi kacau ganggu komuniti setempat di Daerah Sepang?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan telah digunakan untuk tujuan diatas?

JAWAPAN:

- a) Bagi menangani aduan kera liar adalah di bawah tindakan dan tanggungjawab Jabatan Perhilitan. Walau bagaimanapun, MP Sepang membantu menyediakan sangkar dan perangkap serta memasang di lokasi-lokasi yang di kenal pasti. Hasil tangkapan di uruskan oleh Jabatan Perhilitan.
- b) RM 12 000 telah digunakan untuk pembelian sangkar dan perangkap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBANGUNAN JALAN
SEDIADA KEPADA JKR SELANGOR**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah permohonan dan kelulusan peruntukan pembangunan dan penyelenggaraan jalan sediaada yang dipohon JKR Selangor dan Klang?
- b) Apakah ada syarat dan had tertentu kos penyelenggaraan lubang setiap bulan oleh konsesi?
- c) Berapakah kekerapan aduan kerosakan dan baikpulih lubang jalan?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2018, jumlah keseluruhan permohonan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan jalan oleh JKR Selangor adalah sebanyak RM210,527,160.70. Daripada jumlah tersebut, peruntukan untuk penyelenggaraan jalan bagi JKR Daerah Klang adalah seperti berikut:

SKOP KERJA	KOS (RM)
Sebutharga Secara Jabatan	8,000,000.00
Kontrak Jangka Panjang (Kerja-kerja Rutin)	3,777,646.43
Kontrak Berpusat (Pembaikan jalan yang panjang)	3,562,350.00
JUMLAH KESELURUHAN	15,339,996.43

- b) Pembaikan Lubang (*Pothole*) ini merupakan item di bawah Penyelenggaraan Rutin No 1 (RO1) dibawah Kontrak Konsesi. Pembaikan Lubang (***Pothole***) di dalam kontrak konsesi ini di definisikan sebagai kehilangan permukaan *pavement* yang minimum dengan kelebaran 200mm dan tidak melebihi 1000mm dengan ketebalan tidak melebihi 25mm. Bagi pembaikan *pothole*, had keluasan tampalan yang dibenarkan di bawah kerja penyelenggaraan rutin adalah 0.5% dari keluasan kawasan berturap setiap tahun.

(*Paved area = Length of road x average 7m width*).

Bagi kerosakan jalan melebihi dimensi seperti yang dinyatakan di atas dan kerosakan *potholes* yang berulang, pembaikan permukaan jalan secara ***heavy patching*** atau kerja membaikpulih jalan boleh dilaksanakan merujuk kepada skop Penyelenggaraan Berkala *Pavement*. Bagi kerja pembaikan *heavy patching*, had kuantiti kerja yang dibenarkan adalah 20% daripada 0.5% dari keluasan kawasan berturap setiap tahun. Kos Pembaikan Lubang (*Pothole*) didalam kontrak konsesi ini adalah sebanyak RM 108 Per Kilometer / Sebulan dan kos sebulan adalah bergantung kepada panjang jalan di setiap daerah terlibat.

Statistik terkini (*sehingga 2 March 2018*) mencatatkan bilangan jalan di Negeri Selangor adalah sebanyak 3199 batang jalan manakala panjang jalan adalah 4370.166 KM. Sekiranya kerosakan yang melebihi daripada kelebaran dan ketebalan yang dihadkan, kerosakan perlu dibaiki secara komprehensif melalui kerja sebutharga berasingan.

- c) Aduan Kerosakan dan baikpulih lubang jalan di daerah Klang bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti jadual di bawah :-

TAHUN 2017	TAHUN 2018 (Data sehingga Februari 2018)
381	104

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

**TAJUK : PENYELESAIAN AGIHAN TANAH KEPADA PENEROKA DI KAMPUNG
SERI SENTOSA, KAMPUNG SRI AMAN DAN KAMPUNG KERETA API
BUKIT BADUNG DI DUN IJOK**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah ini dijanjikan akan selesai pada hujung tahun 2017 tetapi hingga kini tiada penyelesaian. Bilakah pengukuran tanah (land survey) akan selesai?
- b) Apakah punca masalah di atas yang menyebabkan kelewatan?

JAWAPAN:

Soalan dijawab bersekali 'a' dan 'b'

Kampung Sri Aman, Mukim Ijok

Pengukuran telah dibuat oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor (JUPEM). Setelah disemak di dalam system Jupem2u, JUPEM masih dalam proses akhir mengeluarkan Pelan Akui.

Kampung Sri Sentosa, Mukim Ijok

Terdapat Pelan Akui yang telah dikeluarkan oleh pihak JUPEM seperti senarai berikut:

- | | |
|---------------|---------------|
| 1. PA 233690 | 11. PA 230553 |
| 2. PA 233691 | 12. PA 231173 |
| 3. PA 231024 | 13. PA 231174 |
| 4. PA 231025 | 14. PA 231175 |
| 5. PA 231026 | 15. PA 231176 |
| 6. PA 231027 | 16. PA 231006 |
| 7. PA 230163 | 17. PA 231010 |
| 8. PA 230164 | 18. PA 231191 |
| 9. PA 230165 | 19. PA 231192 |
| 10. PA 231445 | 20. PA 231193 |

Sebanyak 116 lot tanah telah dikeluarkan Pelan Akui daripada keseluruhan 172 lot. Sebanyak 4 lot masih dalam tindakan akhir JUPEM dan selebihnya dalam tindakan pejabat tanah atau masih berstatus tanah Kerajaan.

Kampung Keretapi, Mukim Ijok

- i. Pengukuran tanah di kampong ini tidak dibuat kerana tanah-tanah masih belum diberimilik atau didaftarkan hakmilik kepada individu. Permohonan ukur tanah boleh dimohon kepda Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia sekiranya tanah telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan bayaran ukur dibayar.
- ii. Namun, status semasa tanah adalah milikan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) dan masih belum dilepaskan pegangan oleh PAK.
- iii. Berdasarkan mesyuarat bersama PAK pada 1 Februari 2017, PAK akan memproses melepaskan pegangan tanah tersebut setelah pelan pra-hitungan disediakan. Pejabat ini telah melantik Jurukur Samsolbahri untuk kerja-kerja pengukuran dan penyediaan pelan pra-hitungan. Pelan telah diserahkan pada 20 Julai 2017 kepada PAK untuk tindakan.
- iv. Berdasarkan Surat PAK bertarikh 13 Oktober 2017, agensi berkenaan dalam tindakan membawa permohonan pelepasan tanah ini ke Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK untuk mendapatkan keputusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : STADIUM MELAWATI

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pendapatan Stadium Melawati pada 2017?
- b) Nyatakan kos pengurusan stadium tersebut pada tahun 2017?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pendapatan Stadium Melawati pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

KOD	BUTIRAN (SEWAAN)	TAHUN 2017 (RM)
74504	Sewa Stadium Melawati	1,043,043.68
JUMLAH		1,043,043.68

- b) Kos pengurusan stadium bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

BUTIRAN (BELANJA)	TAHUN 2017 (RM)
Stadium Melawati	1,707,733.59
JUMLAH	1,707,733.59